

DCM EXPECTORANT

Dexchlorpheniramine Maleate/ Pseudoephedrine Hydrochloride/ Guaiphenesin (2mg/20mg/100mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan DCM Expectorant
2. Bagaimana DCM Expectorant berfungsi
3. Sebelum mengambil DCM Expectorant
4. Cara menggunakan DCM Expectorant
5. Semasa menggunakan DCM Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DCM Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan DCM Expectorant

Ia digunakan untuk melegakan batuk dan alahan, termasuk rinitis.

Bagaimana DCM Expectorant berfungsi

DCM Expectorant mengandungi bahan aktif dexchlorpheniramine maleate, pseudoephedrine hydrochloride dan guaiphenesin.

Dexchlorpheniramine maleate membantu mengurangkan gejala alahan dengan menghalang sejenis bahan semula jadi yang dihasilkan dalam badan (histamin)

Pseudoephedrine bertindak sebagai *nasal decongestant*, dengan menyempitkan saluran darah di laluan hidung untuk mengurangkan pembengkakan dan kesesakan.

Guaiphenesin adalah ekspektoran yang membantu melonggarkan kahak supaya dapat dikeluarkan dengan lebih mudah.

Sebelum mengambil DCM Expectorant

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika anda alah kepada dexchlorpheniramine maleate, pseudoephedrine, guaiphenesin atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (yang disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum anda mula mengambil ubat ini jika anda mempunyai tekanan darah tinggi.
Ubat ini tidak sesuai diberikan kepada kanak-kanak berumur di bawah 2 tahun.

Kehamilan dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda hamil, merancang untuk hamil, atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan ubat ini atau sebarang ubat lain.
Ubat ini harus digunakan dengan berhati-hati semasa tiga bulan pertama kehamilan.

- Jika mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan DCM Expectorant

- Berapa banyak harus diambil

Dewasa dan kanak-kanak berumur melebihi 12 tahun: 1 atau 2 sudu teh (5 hingga 10ml).

Kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun: ½ hingga 1 sudu teh (2.5 hingga 5ml).

Kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun: ¼ hingga ½ sudu teh (1.25 hingga 2.5ml).

Untuk kanak-kanak berumur di antara 2 hingga 6 tahun: Gunakan dengan berhati-hati dan ikut nasihat yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu diambil

Ambil tiga atau empat kali sehari atau mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Hanya diambil untuk jangka masa yang singkat sehingga gejala anda sembuh. Dapatkan nasihat doktor anda jika gejala anda tidak bertambah pulih.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir

masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan DCM Expectorant

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DCM Expectorant.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan DCM Expectorant kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mempengaruhi keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini membuat anda berasa mengantuk, pening, mual, atau lemah, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

DCM EXPECTORANT

Dexchlorpheniramine Maleate/ Pseudoephedrine Hydrochloride/ Guaiphenesin (2mg/20mg/100mg per 5ml)

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, DCM Expectorant boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku termasuk:

- mengantuk
- pening
- mual
- keresahan
- kelemahan
- kegelisahan
- peningkatan pengeluaran air kencing
- pedih ulu hati
- kencing yang menyakitkan

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF)* or *Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DCM Expectorant

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.
Pastikan bekas sentiasa ditutup rapat.
Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Cecair jernih berwarna merah

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Dexchlorpheniramine maleate,
Pseudoephedrine hydrochloride
Guaiphenesin

- Bahan tidak aktif
Carmoisine Red dye
Colour sunset yellow FCF
Refined sugar
Methylparaben
Chloroform spirit
Raspberry flavour
Menthol
Purified water
Sodium Saccharin

- Nombor MAL

MAL19860325AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai.
5 1/2 Mile, Off Jalan Meru,
41050 Klang, Selangor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai.
5 1/2 Mile, Off Jalan Meru,
41050 Klang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

15/07/2024

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)200624/00074